

04 JUL 2003

PWTC-WAYARLES/I

PWTC LANCAR PERKHIDMATAN INTERNET JALUR LEBAR WAYARLES

KUALA LUMPUR, 4 Julai (Bernama) -- Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) dan Airzed Networks Sdn Bhd, firma yang terlibat dalam teknologi maklumat, hari ini melancarkan jalur lebar wayarles atau akses internet berkelajuan tinggi di PWTC dalam usaha menjadikannya sebuah pusat konvensyen dan pameran utama di Malaysia.

Pemasangan akses internet jalur lebar wayarles, dikenali sebagai ketepatan wayarles (wi-fi), telah siap dan akan menyediakan liputan internet yang lebih cepat ke Dewan Tun Razak dan ke paras dua hingga ke paras empat PWTC, yang telah menyaksikan pelbagai acara bersejarah.

"Akses internet jalur lebar wayarles merupakan satu daripada kemudahan yang biasa dikehendaki oleh para pelanggan dan pelawat kami. Kami gembira untuk menyediakan kemudahan dalam akses internet di seluruh PWTC," kata Ketua Pegawai Eksekutifnya Datuk Yaakob Mohammad pada sidang media di sini.

Akses internet jalur lebar PWTC didatangkan dalam dua denominasi kad prabayar internet dalam lima dan 24 jam.

Petunjuk mengenai bagaimana untuk mengakses perkhidmatan tersebut boleh didapati dalam kit permulaan kad prabayar. Kad prabayar selama lima jam bernilai RM100 manakala kad 24 jam berharga RM250.

"Kini pelanggan kami bebas dan fleksibel untuk berhubung dengan rangkaian internet dan korporat secara wayarles dengan komputer riba mereka," katanya.

"Eksekutif perniagaan lebih senang menggunakan teknologi baru, terutamanya teknologi yang membolehkan mereka menjadi lebih produktif dan menjadikan kehidupan lebih mudah apabila mereka berjauhan dari pejabat atau ke mana-mana."

Sementara itu, pengerusi eksekutif Airzed Mukriz Mahathir berkata pengguna internet di PWTC tidak lagi dibebankan dengan akses perlahan memandangkan sistem baru itu lebih pantas dan murah.

Provisi perkhidmatan wi-fi bersama-sama dengan kemudahan termaju akan menggerakkan PWTC untuk menjadi tempat utama di Malaysia dan rantau Asean bagi konvensyen, pameran dan acara lain di peringkat tempatan dan antarabangsa, katanya. -- BERNAMA

SZM NKB SR TJK NHD